

## PENYATA Pengerusi

### Para Pemegang Saham dan Pihak Berkepentingan,

Transformasi kami sepanjang tiga tahun lalu adalah memberangsangkan walaupun perjalanannya mencabar. Kami memperkenalkan penyusunan semula struktur dan anjakan paradigma dalam cara kami menangani keutamaan jangka pendek dan pertumbuhan jangka panjang. Ia menyukarkan, khususnya bagi operasi kami di Malaysia, namun kami telah menyaksikan beberapa kesan positif dalam kecekapan pengurusan dan prestasi.



▼ Keuntungan sebelum cukai bertambah baik sebanyak **19.5 peratus**

Keuntungan selepas cukai meningkat **19.1 peratus**



▼  
**TENGGU SYARIF BENDAHARA PERLIS  
SYED BADARUDIN JAMALULLAIL IBNI  
ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL**  
Pengerusi

Pada TK2018, kami meneruskan usaha kami untuk mengukuhkan Fraser & Neave Holdings Bhd ('F&NHB' atau 'Kumpulan') dengan mengenal pasti pemacu pertumbuhan dalaman, mempersiapkan kami untuk menjadi lebih berdaya tahan terhadap ketidakpastian pasaran dan cabaran perniagaan. Pendek kata, kami telah bersedia untuk meraih peluang masa hadapan.

### PRESTASI KEWANGAN: BERSEDIA UNTUK PERTUMBUHAN

Pada dasarnya, kami sememangnya telah menjangkakan persekitaran pasaran kompetitif yang kian meningkat disertai dengan nilai matawang yang lemah, kos operasi yang meningkat, dan harga komoditi yang berubah-ubah. Inilah sebabnya mengapa langkah-langkah penting telah diambil bagi meneguhkan kekukuhan asas kami.

Pada TK2018, kami terus mengamalkan penghematan melalui pelbagai usaha pengoptimuman kos dan rasionalisasi portfolio. Kami menggunakan pakai teknologi inovatif untuk merangsang produktiviti dan keupayaan operasi. Di samping itu, inovasi produk kami terus mendapat respons positif dalam pasaran tempatan dan eksport.

Hasilnya, keuntungan sebelum cukai Kumpulan bertambah baik sebanyak 19.5 peratus kepada RM422.7 juta daripada RM353.7 juta manakala keuntungan selepas cukai meningkat 19.1 peratus kepada RM385.1 juta bagi tahun kewangan ini berbanding TK2017. Tidak termasuk kos penyusunan semula dan item-item yang tidak berulang, keuntungan sebelum cukai adalah RM419.5 juta, peningkatan sebanyak 3.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Walaupun dengan kegiatan rasionalisasi portfolio bagi Makanan & Minuman Malaysia (F&B Malaysia), prestasi yang bertambah baik bagi jenama dan perniagaan eksport kami, serta prestasi stabil Makanan & Minuman Thailand (F&B Thailand), membantu Kumpulan mencatat hasil lebih tinggi sedikit bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2018, sebanyak RM4.11 bilion berbanding RM4.10 bilion tahun lalu. Eksport dari Malaysia meneruskan pertumbuhan dua digit tahun ke tahun pada TK2018, menandakan bahawa kami berada pada landasan yang betul untuk melepasi matlamat RM500 juta pada 2020.

Memandang ke hadapan, kami akan kekal memberi tumpuan bagi memastikan pertumbuhan berterusan dalam tiga asas utama kami - F&B Malaysia, F&B Thailand dan Eksport.

Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Analisis Segmen di halaman 61 dan Ulasan Perniagaan pada halaman 72 dan 81.

### KEKAYAAN PEMEGANG SAHAM

Dalam jangka masa panjang, kami kekal yakin akan hala tuju pertumbuhan kami, berpunca daripada pelbagai perubahan tambahan dan transformasi yang kami telah laksanakan sepanjang tiga tahun lalu.

Pelabur yang terus memegang saham F&NHB yang dimiliki selama 10 tahun dahulu hingga kini akan menikmati pulangan ke atas pelaburan (ROI) lebih daripada 300 peratus. Ini disumbangkan oleh peningkatan yang mantap dalam harga saham kami - daripada RM9.05 pada Oktober 2008 kepada RM33.32 pada 30 November 2018. Sukacita saya melaporkan bahawa pendapatan sesaham asas kami meningkat daripada 88.3 sen kepada 104.9 sen pada TK2018.

Dengan mempertimbangkan prestasi keuntungan dan komitmen perbelanjaan modal jangka pendek, Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen tahap tunggal akhir sebanyak 30.5 sen sesaham bagi TK2018. Jika diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan kami, jumlah dividen bagi tahun ini adalah berjumlah 57.5 sen sesaham, konsisten dengan pembayaran pada TK2017.

### PENCIPTAAN NILAI UNTUK SEMUA

Proses transformasi telah membawa kepada pengukuhan komitmen kami terhadap kepelbagaian pihak berkepentingan dan memberi nilai yang lebih bermakna kepada mereka.

Dalam satu segi, kami berusaha mengekalkan kedudukan teratas kami dalam pasaran dan terus memberi ganjaran dalam bentuk pulangan yang kukuh kepada para pemegang saham. Dalam satu segi lain, kami kekal komited untuk mencipta nilai mampan bagi pengguna, pelanggan, pekerja dan masyarakat setempat di mana kami beroperasi.

Sepanjang tahun kewangan ini, kami memperkenalkan produk yang memenuhi gaya hidup pengguna yang sentiasa pantas berubah. Contohnya, keseluruhan rangkaian jenama unggul kami, 100PLUS telah diformulasi semula dan menerima pensijilan Logo Pilihan Lebih Sihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sementara 100PLUS ACTIVE dalam uncang serbuk telah dilancarkan untuk mereka yang sentiasa bergerak aktif.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah banyak melabur dalam usaha Penyelidikan & Pembangunan (R&D) dan resipi bagi mengurangkan kandungan gula dalam produk-produk kami tanpa mengabaikan rasanya yang asal untuk memenuhi aspirasi pengguna ke arah cara hidup lebih sihat. Hasilnya, jumlah indeks gula bagi minuman kami telah berkurang sebanyak 34 peratus sejak TK2004.

## PENYATA PENERUS

Warga kerja kami adalah pemacu pertumbuhan paling penting. Kami percaya dalam memperkasakan mereka melalui pendekatan terangkum untuk membina organisasi yang dinamik, dengan tumpuan pada pembangunan dan pengekalan bakat di samping memangkinkan pertumbuhan dari dalam organisasi.

Nilai Global diperkenalkan tahun ini bagi memupuk penyatuan budaya dalam Kumpulan the ThaiBev/F&N, yang bakal menanamkan prinsip-prinsip Kerjasama, Mencipta Nilai, dan Menjaga Hal Ehwal pihak berkepentingan dalam setiap pekerjaan kami.

Usaha-usaha dalam memupuk pekerja kami tidak sia-sia, apabila F&NHB menerima Anugerah Gangsa Kecemerlangan Sumber Manusia pada 2018 daripada Majalah Sumber Manusia dan dinamakan salah satu daripada Jenama Majikan Terbaik Malaysia 2018 oleh Institut Penjenamaan Majikan.

Anugerah Tahunan Pengerusi diteruskan bagi mengiktiraf anak-anak pekerja kami yang mendapat pencapaian akademik dan ko-kurikulum yang cemerlang. Ini menjadi satu usaha pengiktirafan kepada pekerja, dan satu motivasi bagi anak-anak mereka untuk mencapai kecemerlangan. Sejumlah RM285,300 dianugerahkan kepada 139 penerima tahun ini. Sejak diperkenalkan pada 2003, F&NHB telah mengagihkan sumbangan hampir RM3.8 juta kepada 2,139 anak-anak di bawah Anugerah Pengerusi.

Di F&NHB, kami percaya bahawa pertumbuhan perniagaan mampan berlaku apabila masyarakat bergerak seiringan bersama-sama kami. Dalam setiap pasaran di mana kami beroperasi, kami meningkatkan kesejahteraan sosial melalui beberapa program yang menumpukan kepada mengukuhkan masyarakat yang memerlukan bantuan; menggalakkan kesedaran alam sekitar; berkongsi keceriaan perayaan dan menggalakkan cara hidup sihat dan pemakanan yang baik.

Kami terus memainkan peranan utama dalam menyokong kegiatan sukan yang besar seperti Sukan Malaysia ke-19 dan Piala AFF Suzuki 2018 sementara menjadi rakan penghidratan di lebih 1,000 acara sukan pada tahun ini.

Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada bahagian 'Menyampaikan Nilai' dalam Laporan Kemampanan kami.



*Dalam tahun ini, kami diiktiraf dengan banyak anugerah dan pencapaian industri. Saya bangga berkongsi bahawa untuk tahun keenam berturut-turut, Kementerian Kesihatan Awam Thailand telah memberikan kami Anugerah Kualiti FDA 2018.*



### KEMAMAPAN PADA TERASNYA

Pendekatan kami terhadap kemampanan dan komitmen jangka panjang membuatkan kami mengambil keputusan strategik dan berinovasi bagi mengeluarkan produk-produk yang lebih sihat dan berdaya saing, di samping mencipta nilai yang lebih bermakna kepada pelbagai pihak yang berkepentingan.

Tahun ini, kami melabur kira-kira RM90.5 juta dalam mesin pengisian aseptik dingin yang mengurangkan sebanyak 40 peratus penggunaan resin plastik bagi setiap botol PET. Kami juga cuba menambah baik tabiat para pengguna kami dengan memupuk budaya kitar semula 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink, and Reinvent) - Kurangkan, Guna Semula, Guna Tujuan Lain, Fikir Semula, dan Cipta Semula, di kalangan para pelajar. Tahun lepas, kami bersama-sama dengan 364 sekolah di seluruh Malaysia, meliputi pelbagai usia daripada prasekolah hingga peringkat menengah dalam Program Kitar Semula Sekolah. Kami percaya usaha sebegini akan membentuk warganegara yang lebih bertanggungjawab di masa hadapan.

Sasaran Kemampanan 2020 bertindak sebagai panduan hala tuju bagi kami mencipta ekuiti sosial dan persekitaran alam yang baik dalam masa jangka panjang. Walaupun ia masih sedang diusahakan, saya gembira kerana kami telah membuat kemajuan yang baik tahun ini, khususnya dalam pengurusan kecekapan ekologi.



Pada 13 November 2017, kilang pembuatan produk tenusu di Pulau Indah menerima Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri bagi kecemerlangan penjagaan alam sekitar. Pengiktirafan ini bukan sahaja membuktikan usaha-usaha kemampanan kami, tetapi juga komitmen kami untuk memberi kesan yang lebih positif.

Jawatankuasa Kemampanan dan Pengurusan Risiko juga telah dirasmikan untuk mengemudi agenda kemampanan Kumpulan bagi memastikan kemampanan disatukan dengan strategi, pengurusan risiko, dan operasi dalam menghasilkan nilai dalam masa jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada Penyata Kemampanan dari halaman 108 hingga 113.

**TADBIR URUS KORPORAT TERBAIK**

Berikutan pengenalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada 2017, Akta Syarikat 2016 yang baharu dan peningkatan dalam rangka kerja pendedahan tadbir urus korporat di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, kami telah memasukkan dasar-dasar dan pindaan-pindaan baharu untuk menambah baik keseluruhan kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah, termasuk mutu audit, pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Di F&NHB, kami terus mencari peluang untuk menambah baik dan mengukuhkan mekanisme tadbir urus di seluruh peringkat Kumpulan. Ini juga dimungkinkan melalui penglibatan terus oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah, yang sentiasa memberi maklum balas dan membantu mencapai aspirasi dan hala tuju yang lebih baik bagi pertumbuhan perniagaan.

Dalam usaha kami untuk menambah baik mutu serta kepelbagaian ahli Lembaga Pengarah, pada 2018, kami mengalu-alukan perlantikan dua ahli Lembaga Pengarah wanita. Kami juga sedang berusaha untuk menambah baik kepelbagaian kepakaran dan profesional dalam lembaga pengarah dengan menambahkan bilangan pengarah bebas.

Untuk maklumat lanjut, rujuk kepada bahagian Tadbir Urus Korporat pada halaman 84.

**ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN**

Pada tahun ini, kami diiktiraf dengan banyak anugerah dan pencapaian industri. Saya bangga berkongsi bahawa untuk tahun keenam berturut-turut, Kementerian Kesihatan Awam Thailand telah menganugerahkan kami Anugerah Kualiti FDA 2018, yang mana mengukuhkan komitmen jitu kami untuk mengeluarkan produk-produk bermutu dan kecemerlangan pelanggan.

Kami juga menerima Anugerah QUDAL Award daripada ICERTIAS untuk minuman ringan bermutu tinggi pada 2018, dari hasil undian 1,200 pengguna di Malaysia. Satu lagi pencapaian pada tahun ini adalah pengiktirafan dalam kategori Jenama Terbaik dalam FMCG - Produk Tenusu di Anugerah Brand Laureate bagi Jenama Halal Terbaik Dunia 2018. Pengiktirafan paling tinggi telah diberikan kepada 100PLUS, yang menerima Putra Brand Award - Anugerah Emas yang ke-7 tahun ini.

Di Malaysia, pasukan pembuatan produk tenusu kami memenangi anugerah OSH Gold Class II daripada Persatuan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, yang membuktikan amalan terbaik kami dalam piawaian keselamatan dan kesihatan. Kami juga memenangi Anugerah Inovasi Perusahaan Malaysia 2018 bagi penggunaan teknologi dan inovasi produk kami.

Anugerah-anugerah ini bukan hanya membuktikan daya saing kami, tetapi juga menjadi tanggungjawab lebih besar untuk kami meneruskan usaha-usaha bagi mencapai tahap baharu dalam prestasi dan kecemerlangan.

Untuk maklumat lanjut tentang anugerah industri, rujuk halaman 1.

**PENGHARGAAN**

Pasukan F&NHB secara tekal telah menunjukkan kepimpinan mereka dalam menerajui transformasi dan pertumbuhan. Di bawah hala tuju strategik Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan, saya yakin mereka akan terus mengukuhkan kedudukan kami sebagai perniagaan mampan dan warga korporat yang bertanggungjawab.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan atas sumbangan yang tidak ternilai oleh ahli-ahli Lembaga pengarah. Saya juga mengalu-alukan empat Pengarah Bukan Eksekutif yang baharu, iaitu Datuk Mohd Anwar bin Yahya, Puan Aida binti Md Daud, Puan Faridah binti Abdul Kadir dan Datuk Kamaruddin bin Taib.

Akhir sekali, bersempena ulang tahun F&N yang ke-135, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan kami yang membantu dalam pertumbuhan dan kemajuan ini, rakan-rakan sekutu perniagaan, pengedar dan para pekerja yang telah bersama-sama menyumbang, membawa F&N di mana ia berada hari ini dan di mana ia berazam untuk berada di masa akan datang.

**Tengku Syarif Bendahara Perlis  
Syed Badarudin Jamalullail ibni  
Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail**  
Pengerusi

